



USUL SIDANG MUDA 2021

USUL UNTUK KERAJAAN NEGERI MEWUJUDKAN *RESPONSE TEAM* YANG BERTANGGUNGJAWAB MENINGKATKAN KEMAMPUAN PEJALAN KAKI DI NEGERI PULAU PINANG

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai konteks, Pulau Pinang merupakan sebuah negeri berkepadatan tinggi yang mencatatkan sebanyak 2,748,124 pemilikan kenderaan bermotor terkumpul sehingga tahun 2019 (Statistik Pengangkutan Malaysia, Kementerian Pengangkutan Malaysia) . Merujuk kepada dapatan kajian *Institute for Transportation & Development Policy* (ITDP), pelan pembangunan Pulau Pinang adalah berasaskan aspek kemudahan navigasi kenderaan tanpa memberi tekanan kepada kebolehpayaan pejalan kaki. Ini menyebabkan rata-rata warga Pulau Pinang yang mengamalkan konsep '*walking is not an option*' memandangkan mereka tidak didedah kepada norma berjalan kaki sejak dahulu lagi.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kebolehpayaan pejalan kaki merupakan salah satu elemen kelestarian yang dapat memberikan pelbagai manfaat kepada sesebuah negeri khususnya dari segi ekonomi, kesihatan dan kemampuan alam sekitar (terutamanya untuk mencapai '*net zero carbon emission*' seperti yang diketengahkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12).

3. Ia tidak dapat dinafikan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan pernah melancarkan beberapa inisiatif khususnya Kempen '*Pedestrian Is King*' dan 'Kaki Lima George Town' pada 2015 berlandaskan objektif menjadikan Pulau Pinang negeri mesra pejalan kaki dalam tempoh masa 5 tahun. Namun, dukacitanya, 6 tahun telah berlalu dan matlamat yang diketengahkan masih tidak dicapai atas tiga (3) faktor utama.

4. Faktor Pertama : Laluan pejalan kaki yang tidak diselenggara / dibaiki / dinaiktaraf selaras dengan Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat

- Berdasarkan pemerhatian, Pulau Pinang telah pun memiliki infrastruktur laluan pejalan kaki yang agak lengkap khususnya di bandar George Town. Malangnya, kebanyakan laluan pejalan kaki berada dalam keadaan yang buruk iaitu tidak rata, retak dan licin. Keadaan ini bukan sahaja mengundang bahaya malah menghindari pejalan kaki daripada menggunakan

infrastruktur tersebut. Sebagai contoh, laluan pejalan kaki di Jalan Lembah Permai (di hadapan *Azuria Business Centre*) telah retak (akibat tumbuhan akar pokok yang melampau) selama beberapa tahun, namun agensi-agensi yang bertanggungjawab tidak menjalankan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan.

- Selain itu, terdapat juga laluan-laluan pejalan kaki sedia ada yang perlu dinaik taraf selaras dengan Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*). Antara elemen penting Reka Bentuk Sejagat ialah laluan pejalan kaki hendaklah sentiasa diterangi cahaya, perabot jalan diletakkan di tepi laluan pejalan, tidak dikongsi bersama laluan basikal, pemasangan *guiding blocks / tactile blocks* dan sebagainya. Adaptasi Reka Bentuk Sejagat adalah amat penting terutamanya dari aspek penyediaan kemudahan-kemudahan dan persekitaran sesebuah kawasan yang dapat memenuhi keperluan akses oleh semua lapisan masyarakat termasuk kanak-kanak, orang-orang tua dan golongan OKU.

5. Faktor Kedua : Ketidaksinambungan jajaran pejalan kaki

- Ketidaksinambungan jajaran laluan pejalan kaki turut menjadikan pengalaman berjalan kaki menjadi kurang selesa yang seterusnya menghindari orang ramai melakukan aktiviti tersebut. Ketidaksinambungan ini boleh disaksikan terutamanya di persekitaran bandar George Town. Sebagai contoh, sebahagian Gat Lebuh Armenia masih tidak mempunyai infrastruktur laluan pejalan kaki.

- Persekitaran kawasan KOMTAR juga tidak terkecuali di mana ketiadaan jajaran laluan pejalan kaki untuk menyambungi kawasan KOMTAR dan 'Heritage Zone' adalah amat ketara sekali sekaligus menyebabkan orang ramai terpaksa melintasi Jalan Dr Lim Chwee Leong yang sibuk. Ketidaksinambungan jajaran ini juga meninggalkan imej buruk kepada para pelancong terutama pelancong asing terhadap bandar George Town yang dikenali sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

6. Faktor Ketiga : Tindakan penguatkuasaan yang kurang tegas

- Tindakan penguatkuasaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang kurang tegas turut menjadi salah satu faktor utama. Sebagai ilustrasi, kebanyakan laluan kaki lima di bandar George Town masih dihalang oleh pelbagai objek yang diletak oleh pemilik premis meskipun MBPP telah menjalankan tindakan penguatkuasaan sejak 2015 selaras dengan Kempen Kaki Lima George Town.

- Sudah tentu rata-rata warga Pulau Pinang juga dapat menyaksikan influks gerai-gerai haram yang didirikan di sepanjang laluan pejalan kaki tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan. Kenderaan-kenderaan juga diletakkan sesuka hati di laluan pejalan kaki.

- Selain itu, para penunggang motosikal juga sering menunggang di laluan pejalan kaki yang mengancam nyawa pejalan kaki.

- Kesalahan-kesalahan ini sememangnya boleh dielakkan dan dikekang sekiranya kita mempunyai tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Fragmentasi seliaan infrastruktur laluan pejalan kaki kepada beberapa agensi kerajaan (MBPP, MBSP & JKR) sememangnya mendatangkan kesukaran terutamanya dari aspek penyelarasan, penetapan skop kerja serta sasaran dalam menangani masalah-masalah yang disebut di atas. Hal ini juga menyebabkan orang awam keliru memandangkan mereka kurang jelas kepada agensi manakah mereka boleh kemukakan aduan atau maklum balas.

8. Maka, saya ingin kemukan cadangan untuk Kerajaan Negeri mewujudkan satu '*centralised*' *Response Team* yang diterajui oleh pegawai-pegawai dari kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (MBPP & MBSP) dan JKR berlandaskan objektif meningkatkan kebolehpayaan pejalan kaki di Pulau Pinang. Skop kerja *Response Team* adalah seperti berikut :

- i) Pemantauan dan penyelenggaraan berkala infrastruktur laluan pejalan kaki.
- ii) Menjalankan kerja-kerja pembaikan laluan pejalan kaki dengan sasaran sempurna kerja maksimum 3 hari dari tarikh terima aduan.
- iii) Menaik taraf dan mengadaptasi Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) di semua laluan pejalan kaki.
- iv) Menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan bagi memastikan laluan pejalan kaki bebas daripada struktur-struktur / kegiatan-kegiatan yang menghalang dan / atau membahayakan pengguna laluan pejalan kaki.
- v) Pemetaan infrastruktur laluan pejalan kaki.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Berlandaskan objektif menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri mesra pejalan kaki, Kerajaan Negeri berharap warga Pulau Pinang dapat memberikan input- input konstruktif serta cadangan kepada *Response Team* melalui platform-platform yang akan diumumkan dalam masa terdekat ini.

10. Akhir kata, Kerajaan Negeri adalah amat komited untuk memastikan pembangunan infrastruktur laluan pejalan kaki Negeri Pulau Pinang dilaksanakan dengan kaedah yang paling cekap dan lestari bagi kemaslahatan bersama rakyat Pulau Pinang.

11. Justeru, saya berharap agar ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini dapat bekerjasama dan berkongsi aspirasi untuk meluluskan usul ini agar Negeri Pulau Pinang menjadi sebuah negeri mesra pejalan kaki.

Sekian, terima kasih.

Vijay Pillay

EXCO Infrastruktur dan Pengangkutan

Sidang Muda 2021

